

HASiL/2026/03/06 - 19

**BAYARAN BALIK CUKAI AKAN MULA DIKREDITKAN SECARA  
BERPERINGKAT MULAI MINGGU KEDUA MAC 2026**

**CYBERJAYA, 6 MAC 2026** – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa bayaran balik cukai kepada pembayar cukai yang layak dan telah selesai diproses akan mula dikreditkan secara berperingkat mulai minggu kedua bulan Mac 2026.

Bayaran balik ini melibatkan pembayar cukai individu yang telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi Tahun Taksiran 2025, selaras dengan pembukaan perkhidmatan e-Filing mulai 1 Mac 2026 seperti yang telah dimaklumkan oleh HASiL sebelum ini.

Selaras dengan Piagam Pelanggan HASiL, bayaran balik cukai bagi BNCP yang dihantar melalui e-Filing akan diproses dalam tempoh sehingga 30 hari bekerja, manakala bagi BNCP yang dihantar secara manual pula tempoh pemprosesan adalah sehingga 90 hari bekerja.

Walau bagaimanapun, sekiranya maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah lengkap dan tepat serta tidak memerlukan semakan lanjut, bayaran balik cukai akan diproses lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

Ms | 1



HASILMALAYSIA



HASIL\_MALAYSIA

Sehubungan itu, pembayar cukai dinasihatkan untuk memastikan maklumat akaun bank yang dilaporkan kepada HASiL adalah tepat dan terkini bagi memastikan bayaran balik dapat diproses dengan lancar.

HASiL komited untuk terus menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai serta memastikan urusan percukaian dilaksanakan secara cekap dan efisien.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAI PINTAR**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 6 Mac 2026**